

JAWAPAN

SINONIM DAN ANTONIM

Bil.	Sinonim	Antonim
1	menetap	
2	perhubungan	
3	gembira	sedih
4	permuafakatan	perpecahan
5	johan, juara	
6	berhasil	gagal
7	ambil tahu	
8	balik	pergi
9		kecil
10		minuman
11	pertolongan	
12	berhubung	
13	tempat	
14		berbayar
15	memudahkan	memberatkan
16		memulangkan
17		kehendak
18	melawat	
19	keselesaian	kesukaran
20		menutup
21	ketenteraman	kesibukan
22	berkumpul	bersurai
23	maklumat	
24		kenyang
25		banyak
26		akhirkannya
27	lawa	hodoh
28	gamat	suram
29	pelawat, tetamu	
30	seronok	sedih
31	bertandang	
32	hadir	balik, pulang
33	membantu	
34	kepunyaan	
35	kebenaran	

36	kecewa	
37	ambil berat	
38	siap	berterusan
39	hadir	pulang
40		mati
41		belian
42		sedikit
43	tabungan	keluaran
44	kecil	besar
45		buka
46		ambil
47		kotor
48		jauh
49	lurus	senget
50	cerah	gelap
51	subur	layu
52	bangga	
53	mencantum	memisahkan
54	dimakamkan	
55	masa	
56		masuk
57	diberi	diambil
58	mengemas	mengotor
59	buntu fikiran	
60	berjumpa	
61		hadapan
62	tetap	
63	zat	
64		rendah
65		tumpul
66		turun
67	yakin	
68		menuliskan
69	cepatnya	lambatnya
70	jatuh	
71	menular	
72	merayau	

73	bahaya	
74	informasi, pengetahuan, keterangan	
75		
76		keluar
77	berhati-hati	
78	menyenangkan	sesak
79		kering
80		besar
81		kesat
82		sekarang
83	sering	jarang
84	keizinan	
85		moden
86		menurunkan
87	berdekatan	berjauhan
88	mengunjungi	
89	handal	
90	pandai	bodoh
91	bermuafakat	berpecah
92	jati diri	
93	syabas	
94	keputusan	
95		halangan
96	jatuh	bangun
97		
98	pembaharuan	
99	istimewa	
100		sejuk



KEMASYARAKATAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

- Amir tiada di rumahnya pada hujung minggu kerana dia dan keluarganya akan pulang ke kampung.
- (i) ✗ (ii) ✓
- Pada pendapat saya, sebab kita perlu menjaga hubungan baik sesama jiran adalah kerana dapat memastikan kehidupan seharian lebih harmoni, saling membantu dalam kesusahan, serta mewujudkan persekitaran yang selamat dan ceria.

Praktis 2

- Program Gerobok Rezeki
- meringankan beban penduduk kampung yang kesusahan
- baju, seluar, telekung solat, dan pakaian dalam
- beras, gula, garam, minyak masak dan biskut
- manfaat kepada seluruh penduduk Kampung Pandan Dalam yang memerlukan

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- Hadir ke hari sukaneka
- Daftar
- Sarapan pagi
- Pertandingan lari dalam guni/Cari gula-gula dalam tepung
- Sambut belon/Sambut telur
- Penyampaian hadiah

Praktis 2

- Jumlah kehadiran yang ramai untuk membantu.
- Pembahagian ketua mengikut bahagian.
- Pembahagian kumpulan dan pelaksanaan kerja.
- Hasil kerja-kerja yang dijalankan.

Sistem Bahasa

Praktis 1

- | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | B | 2 | C | 3 | A |
| 4 | D | 5 | C | 6 | D |

Praktis 2

- dusun buah-buahan, Pokok, ibu, Datuk, pondok kecil
- Dusun buah-buahan Azam sangat luas.
 - Terdapat banyak pokok bunga di sekeliling rumah Lisa.
 - Ibu selalu memberi nasihat kepada saya.
 - Datuk Zahid selalu bersenam walaupun telah tua.
 - Pondok kecil itu dibina oleh Abang Hasan.
- (Mana-mana jawapan munasabah diterima)

Praktis 3

- 1 kamu
- 2 saya
- 3 saya
- 4 kamu
- 5 kita
- 6 kita
- 7 Dia
- 8 nya

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Tahniah, Fadli!

Kamu telah menjadi seorang abang. Kehadiran bayi baharu dalam keluarga kamu telah mengangkat darjatmu menjadi seorang abang. Semoga kamu boleh jadi abang yang terbaik buat adikmu, Irdina Sumayah.

Jiranmu,
Syazwani

Praktis 2

Pada minggu lepas, saya telah terlibat dalam program Minggu Bahasa Melayu. Program tersebut berlangsung pada 11 Mei 2025 di Dewan Al-Jabbar, Sekolah Kebangsaan Lembah Jabor.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang minggu tersebut ialah pertandingan teka silang kata, pertandingan bercerita, pertandingan sajak dan pertandingan ejaan frasa. Saya terlibat dalam pertandingan bercerita.

Selesai semua pertandingan yang dijalankan, sesi penyampaian hadiah diadakan. Saya berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan bercerita. Saya sempat mengambil gambar di atas pentas.

Saya sangat gembira dan berpuas hati kerana dapat terlibat dalam program ini. Saya berharap program ini dapat dianjurkan setiap tahun bagi memupuk budaya membaca.

Praktis UASA

Bahagian C

Kita perlulah menjaga adab sesama jiran kerana ianya merupakan amalan yang mulia. Kita perlulah menziarahi jiran ketika sakit dengan memberikan pertolongan jika diperlukan. Sebagai contohnya, membelikan barangan keperluan harian, berkongsi juadah makanan bersama jiran dan menghormati emosi jiran agar mereka berasa dihargai serta tidak keseorangan sepanjang mereka sakit.

TEMA
2

KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

- 1 penyakit berjangkit Influenza-Like-Illness (ILI)

- 2 COVID-19

- 3 pakai pelitup muka

- 4 cuci tangan

- 5 jangan berkongsi peralatan peribadi

- 6 mengamalkan gaya hidup sihat

(Jawapan 3-5 mengikut kesesuaian jawapan murid)

Praktis 2

- 1 Menggunakan sumber yang boleh diperbaharui.

- 2 Menanam pokok.

- 3 Mendidik melalui kempen.

- 4 Menyertai aktiviti kesukarelawan.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 Arca burung raja udang dan kuda menggunakan bahan terpakai.

- 2 Besi, rim, roda basikal, kipas angin, botol, barangan plastik, alat ganti motor, botol cat semburan, botol sabun, acuan loyang kuih dan motherboard komputer.

- 3 Berat yang dianggarkan ialah 900kg.

- 4 Kaedah penghasilan dua arca seni itu dihasilkan adalah dengan menggabungkan barangan kitar semula yang diolah kemudian dilekat dan dicantumkan menjadi imej tiga dimensi (3D) atau arca relief.

Praktis 2

- 1 Kanak-kanak mengalami masalah mental.

- 2 – lambat bertutur

- masalah dalam pembelajaran

- gangguan emosi

- gangguan tingkah laku

- 3 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 helai

- 2 papan

- 3 buah

- 4 orang

- 5 biji

- 6 botol

- 7 keping

Praktis 2

- 1 berbahaya

- 2 mengalami

- 3 merebak

- 4 tercemar

- 5 tersebar

- 6 menjaga

- 7 mendapat

- 8 menyusu
- 9 mengambil

Praktis 3

- 1 menjejaskan
- 2 mengemas
- 3 mendapat
- 4 membersihkan
- 5 mengamalkan
- 6 membantu
- 7 menggantikan
- 8 memastikan
- 9 menyaksikan
- 10 menikmati
- 11 mengadakan
- 12 menghidap

Kemahiran Menulis

Praktis 1

- 1 Program Cintai Alam Sekitar.
- 2
 - Pertandingan fotografi
 - Science Fair
 - Program kitar semula
 - Gotong-royong
 - Explorace
 - Kuiz alam sekitar
 - Pameran dan jualan
- 3 Wong Min Hang dan Siti Zuraidah
- 4 Cintai dan Sayangi Alam Sekitar!

Praktis 2

- 1 Promosi Pembudayaan Hidup Sihat
- 2 Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan
- 3 Kawalan Kesihatan Kendiri
- 4 Kebersihan Persekitaran

Praktis UASA

Bahagian A

1 C 2 D 3 A

TEMA
3

KESELAMATAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

Jawapan berdasarkan lakonan perbuatan murid.

Praktis 2

Jawapan berdasarkan lakonan perbuatan murid.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 Fokus utama maklumat tersebut ialah pengurusan keselamatan murid di sekolah.

- 2 Tiga langkah keselamatan di sekolah yang perlu dipatuhi ialah

- Jawatankuasa Keselamatan Sekolah serta PIBG perlu memainkan peranan dalam menjamin keselamatan murid.
- Utamakan keselamatan diri murid semasa di dalam atau di luar bilik darjah.
- Maklumkan kepada ibu bapa atau penjaga tentang jadual waktu dan aktiviti sekolah serta sebarang perubahan sekiranya ada.
- Sistem kawalan dan rekod keluar masuk orang luar ke dalam kawasan sekolah perlu diperkemas.

- 3
 - Kawasan sekolah yang terselindung, tersembunyi dan gelap diawasi dengan kerap dan dijadikan kawasan larangan. (Mana-mana jawapan yang munasabah)
 - Untuk mengelakkan menjadi mangsa jenayah culik, ragut dan sebagainya.
 - Rakan-rakan boleh meminta pertolongan orang lain sekiranya berlaku sesuatu kejadian buruk. (Mana-mana jawapan yang munasabah)

- 4 Kita perlu mematuhi peraturan keselamatan di sekolah bagi menjamin keselamatan diri dan mengelakkan berlakunya kejadian buruk.

- 5 Laluan pejalan kaki yang disediakan lebih menjamin keselamatan murid iaitu boleh mengelak daripada hujan serta panas matahari, mengelak daripada terpijak objek tajam dan memudahkan murid bergerak dari satu bangunan ke bangunan yang lain.

Praktis 2

- 1 banjir
- 2 manusia
- 3 kemusnahan
- 4 manfaat
- 5 semula jadi
- 6 berganda

Sistem Bahasa

Praktis 1

- | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|------|
| 1 A | 2 A | 3 D | 4 B | 5 D |
| 6 C | 7 B | 8 B | 9 A | 10 D |

Praktis 2

- 1 Hadi datang lewat ke sekolah kerana hujan lebat.
- 2 Ayah beli topi keledar baharu untuk adik.
- 3 Kita perlu berhati-hati ketika hendak melintas jalan raya.
- 4 Nyalakan lampu kenderaan sewaktu hujan lebat.
- 5 Kita perlu mengikuti langkah-langkah keselamatan supaya selamat.

Praktis 3

- 1 di
- 2 daripada

- 3 pada
- 4 dari
- 5 dengan

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Langkah-langkah keselamatan semasa di jalan raya amat penting. Ini bertujuan bagi mengelak daripada berlakunya kemalangan jalan raya.

Antara langkah keselamatan di jalan raya yang boleh dilakukan ialah pejalan kaki mestilah melintas jalan raya menggunakan laluan pejalan kaki. Dengan ini, risiko berlakunya kemalangan terhadap pejalan kaki dengan kenderaan lain dapat dielakkan.

Langkah keselamatan yang seterusnya ialah penunggang basikal mestilah memakai topi keledar keselamatan. Pemakaian topi keledar keselamatan dapat mengelakkan kecederaan yang teruk di bahagian kepala apabila berlaku kemalangan.

Langkah keselamatan lain ialah kanak-kanak perlulah berpimpin tangan dengan orang dewasa semasa melintas jalan raya kerana orang dewasa lebih peka waktu yang selamat untuk melintas jalan raya.

Kesimpulannya, kita perlulah mengikuti langkah-langkah keselamatan jalan raya ini bagi mengelak berlakunya kemalangan jalan raya.

Praktis UASA

Bahagian B

Soalan 1

Sebagai seorang rakan, saya akan menegur rakan saya secara sopan dan menasihatinya supaya memakai topi keledar keselamatan. Hal ini penting untuk keselamatannya serta dapat melindungi kepala sekiranya berlaku kemalangan semasa menunggang basikal

Soalan 2

Tindakan saya adalah memaklumkan kepada pekerja pasar raya tentang minuman yang sudah tamat tempoh supaya produk tersebut segera dikeluarkan dari rak pembelian dan tidak dibeli oleh pelanggan lain secara tidak sengaja.

TEMA
4

KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

- 1 Bersifat ikhlas dan berlapang dada.
- 2 Menunjukkan muka yang manis.
- 3 Menyediakan juadah mengikut kemampuan.
- 4 Menyediakan kemudahan yang baik kepada tetamu.
- 5 Memberi layanan yang baik.

Praktis 2

- 1 Tanjak Raja Naik Bersiram
- 2 Tanjak Getam Budu
- 3 menyimpan segala rahsia raja

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 Badu Sipak
- 2 Sagol Latok

Praktis 2

- | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | C | 2 | D | 3 | C | 4 | D | 5 | C |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 tidak
- 2 tidak
- 3 bukan
- 4 tidak
- 5 bukan
- 6 bukan
- 7 tidak
- 8 bukan
- 9 tidak
- 10 tidak

Praktis 2

- 1 tiga
- 2 Semua
- 3 Beberapa
- 4 Berpuluh-puluh
- 5 Ribuan

Praktis 3

- 1 digunakan
- 2 perhiasan
- 3 Kesultanan
- 4 dijadikan
- 5 kebesaran

Praktis 4

- 1 pementasan, Kesenian
- 2 Pembinaan, bertujuan
- 3 Permainan, Pemerintahan, Kesultanan
- 4 disampaikan
- 5 merupakan, mempunyai

Kemahiran Menulis

Praktis 1

- 1 Kata sepakat
Ayat: Semua murid tahun 4 Delima sudah bulat kata melantik Shahiran sebagai ketua darjah yang baharu.

- 2 Adat yang tidak berubah, sesuatu yang tetap utuh.
Ayat: Tradisi berpantun dalam sesuatu majlis sememangnya tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas.
- 3 Adat yang tetap sama dan tidak berubah sejak dahulu lagi walaupun sudah memasuki alaf baru.
Ayat: Majlis berinai merupakan adat lama pusaka usang yang masih diamalkan dalam kalangan masyarakat di negara kita.
- 4 Lain negeri lain adat resamnya.
Ayat: Ketika berada di negara orang, kita haruslah menjaga diri kerana lain padang lain belalang.
(*Mana-mana jawapan yang munasabah diterima*)

Praktis UASA

Bahagian A

- 1 C 2 A 3 B

TEMA
5

JATI DIRI, PATRIOTISME, DAN KEWARGANEGARAAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

- 1 Ada lima Prinsip Rukun Negara
- 2 Prinsip Rukun Negara yang keempat ialah kedaulatan undang-undang
- 3 Prinsip Rukun Negara yang kedua adalah tentang kesetiaan terhadap raja dan negara tanpa berbelah bahagi. Sebagai rakyat Malaysia, kita hendaklah mematuhi peraturan dan menghormati raja

Praktis 2

- 1 empat warna
- 2 melambangkan perpaduan
- 3 warna kuning
- 4 kesucian
- 5 keberanian

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 B 2 A 3 C 4 C

Praktis 2

- 1 memastikan setiap warganegaranya mempunyai rekod selain urusan pengenalan diri.
- 2 Perbezaan antara kad pengenalan dahulu dengan kad pengenalan sekarang adalah daripada sekeping kertas beralih kepada kad yang lebih berkualiti.
- 3 (a) Diperbuat daripada bahan polikarbonat dan menggunakan cip baharu yang lebih berdaya tahan.
(b) Teknologi turisan laser pada permukaan kad bagi mengelak pemalsuan.

- 4 Saya berbangga menjadi rakyat Malaysia kerana Malaysia sebuah negara yang aman dan makmur serta ialah pesat membangun.

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 B 2 B 3 C 4 B 5 C
6 A 7 B 8 B 9 D 10 A

Praktis 2

- 1 B 2 D 3 A 4 A
5 D 6 A 7 D 8 B

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Pada 28 Ogos yang lalu, sekolah saya telah mengadakan Sambutan Hari Kemerdekaan. Sambutan ini bersempena dengan kemerdekaan negara iaitu pada 31 Ogos 1957.

Sambutan ini dimulai dengan memasang bendera di sekitar kawasan sekolah. Semua kelas dihias mengikut kreativiti murid-murid menggunakan Jalur Gemilang. Kelas yang paling cantik akan mendapat hadiah.

Antara aktiviti lain yang diadakan adalah pertandingan lagu patriotik dan pakaian tradisional. Kedua-dua pertandingan ini sangat meriah. Pakaian tradisional yang digayakan sangat cantik dan berwarna-warni. Saya telah menyertai pertandingan nyanyian patriotik dan berjaya mendapat tempat kedua.

Selain itu, terdapat juga tayangan filem yang berunsurkan patriotik ditayangkan di pusat sumber sekolah. Banyak pengajaran dan semangat patriotik yang diperolehi daripada filem yang ditayangkan.

Kesimpulannya, sambutan hari kemerdekaan di sekolah sangat penting. Melalui sambutan ini, semangat patriotik yang perlu dipupuk sejak kecil dapat diterapkan. Kanak-kanak generasi masa hadapan perlu membesar dengan semangat cinta kepada negara.

Praktis 2

- 1 dokumen perjalanan
- 2 passport Malaysia
- 3 perjalanan yang sah untuk seseorang ke luar negara
- 4 setiap lima tahun sekali
- 5 maklumat pemilik seperti nama, warganegara, tarikh lahir, tempat lahir, nombor passport dan nombor kad pengenalan
- 6 tinggi, tarikh passport dikeluarkan, tarikh tamat tempoh, gambar
- 7 penggunaan cip, alur keselamatan berwarna dan cahaya ultraungu

Praktis UASA

Bahagian A

- 1 A 2 C 3 B
4 B 5 C 6 B 7 D

TEMA
6

SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

Jawapan murid

Praktis 2

Jawapan murid

Kemahiran Membaca

Praktis 1

Telefon Pintar

- Memudahkan komunikasi manusia.
- Maklumat dapat disampaikan dengan cepat.

Dron

- Mengurangkan kebergantungan tenaga manusia.
- Menjimatkan kos dan masa para petani.

Praktis 2

- 1 Kelebihan buku elektronik.
- 2 Banyak maklumat boleh disimpan dan boleh dirujuk pada bila-bila masa.
- 3 (i) ✓
(ii) ✗
- 4 Memberi faedah dan kebaikan kepada sesiapa sahaja.

Praktis 3

- 1 C 2 D 3 C 4 A

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 Ibu, apakah itu komputer?
- 2 Adakah komputer mampu berfikir?
- 3 Bagaimanakah komputer boleh melaksanakan arahan?
- 4 Benarkah begitu ibu?

Praktis 2

- 1 Kakak Hani dan Johana berjoging pada setiap petang.
- 2 Suraya bermain anak patung sambil menyanyi.
- 3 Zahran makan sayur-sayuran supaya sentiasa sihat.
- 4 Helmi bermain bola sepak di padang manakala Fahmi bermain badminton di gelanggang.
- 5 Harith terjatuh ketika menunggang basikal lalu menangis.

- 6 Amni tidur lapan jam sehari bagi mendapatkan rehat yang mencukupi.
- 7 Eina membaca majalah yang dipinjam di perpustakaan.

Praktis 3

- 1 Membeli lima batang lemang kakak Aini.
- 2 Sungguh sedap kek coklat itu.
- 3 Dianugerahkan Usahawan Muda 2026 Encik Imran.
- 4 Usahawan kerepek Puan Aida.
- 5 Memenangi pertandingan itu akhirnya Safwan.
- 6 Mereka cipta mesin pengupas buah itu Rina.
- 7 Membeli mesin melipat pakaian yang canggih itu semalam Puan Laila.

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Aku umpama mata yang melihat lalu merakam imej ke atas filem atau sensor kamera.

Untuk menghasilkan gambar yang berkualiti, jurugambar menggunakan beberapa jenis lensa. Contohnya, lensa bidang luas akan digunakan di dalam bilik atau di tempat yang sempit. Aku terdapat dalam versi lensa zum. Untuk merakam gambar subjek yang berada pada jarak yang lebih jauh pula, biasanya jurugambar menggunakan lensa jenis teropong.
(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima)

Praktis 2

Tahukah kamu, siapakah orang pertama yang mencipta kapal terbang? Kapal terbang dicipta oleh Wright bersaudara, iaitu Orville Wright dan Wibur Wright. Kedua-dua adik-beradik ini hidup membujang sepanjang hayat mereka. Minat mereka terhadap kapal terbang bertambah pada tahun 1878, iaitu semasa ayah mereka membawa balik sebuah helikopter mainan untuk adik-adik yang masih kecil. Wibur dan Orville bermain dengan helikopter ini sehingga patah.

Kemudian, mereka membina mainan itu sendiri. Wibur sering mencatat nota-nota terperinci mengenai penerbangan burung-burung. Malahan, mereka juga sentiasa melakukan penyelidikan.

Pada mulanya, penyelidikan bergantung pada perpustakaan penerbangan. Uji kaji penerbangan mekanik bermula pada tahun 1899. Penerbangan pertama dengan jayanya adalah pada 17 Disember 1903.

Praktis UASA

Bahagian A

- 1 A 2 D 3 B

Bahagian C

Penggunaan peranti pintar pada masa ini amat penting kerana mempunyai pelbagai manfaat seperti memudahkan urusan harian kita. Kita dapat

berkomunikasi dengan orang lain menggunakan kecanggihan peranti pintar. Contohnya, kita dapat beramah mesra dengan bertanyakan khabar, meminta pertolongan jika memerlukan, dan dapat membuat pesanan dalam talian seperti makanan dan servis penghantaran.

TEMA
7

PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Nama alat itu ialah dron.
- 2 Alat itu digunakan untuk menyembur racun di sawah padi atuk.
- 3 Benar, Fahmi. Masa diperlukan untuk menyembur racun bagi sawah padi berkeluasan satu hektar hanya selama tujuh minit.
- 4 Cara tradisional memakan masa antara sejam hingga dua jam.
- 5 Kelebihannya kalau kita menggunakan dron ini adalah semburan lebih rata dan cepat. Selain itu, dapat meningkatkan hasil padi.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 B 2 A 3 C 4 C 5 C

Praktis 2

- 1 Ananas Comosus L. Merrill.
- 2 Nanas enak dimakan begitu sahaja atau boleh diproses. Selain dibuat jus minuman, kordial dan jem, nanas juga boleh dijadikan sebagai pencuci mulut.
- 3 Nanas boleh ditanam pada kebanyakan jenis tanah daripada tanah alluvium ke asid sulfat dan tanah gambut dengan saluran yang baik.
- 4 Ya, nanas baik untuk kesihatan. Ia mengandungi khasiat tenaga, air dan protein.

Praktis 3

- 1 Pekerja Mahmud ialah menternak udang harimau.
- 2 Kursus yang dihadiri oleh Mahmud pada minggu lepas ialah kursus penternakan ikan keli.
- 3 Pada pendapat saya, golongan muda tidak mahu bekerja dalam sektor pertanian kerana mereka tidak mahu bekerja di luar pejabat yang terdedah kepada terik dan panas cahaya matahari.
- 4 Ya, pertanian mampu memberi pendapatan yang lumayan. Ini kerana hasil pertanian dapat dijual dengan banyak dan mempunyai pasaran yang sangat luas.

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 menjejaskan

- 2 memastikan
- 3 mendapat
- 4 mengemas
- 5 mengamalkan
- 6 membersihkan
- 7 membantu
- 8 menghidap
- 9 menggantikan
- 10 mengadakan
- 11 menyaksikan
- 12 membuat

Praktis 2

- 1 Kata Hubung
- 2 Kata Hubung
- 3 Kata Hubung
- 4 Kata Sendi Nama
- 5 Kata Sendi Nama
- 6 Kata Sendi Nama
- 7 Kata Hubung
- 8 Kata Hubung
- 9 Kata Hubung
- 10 Kata Sendi Nama
- 11 Kata Sendi Nama
- 12 Kata Sendi Nama

Ayat – (Kata Sendi Nama)

- 1 Mesin penuai padi itu dicipta oleh seorang mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia.
- 2 Alatan elektronik rumah itu dikawal dengan telefon pintar.
- 3 Pameran inovasi pertanian akan diadakan hingga hujung bulan Mac.
- 4 Ubat kapsul itu diperbuat daripada tanduk rusa.

Ayat – (Kata Hubung)

- 1 Alin dan Mala menyertai lawatan ke Taman Pertanian Malaysia.
- 2 Ibu membeli daging lembu Wagyu kerana dagingnya berkhasiat.
- 3 Buah-buahan perlu disembur racun perosak supaya tidak busuk.
- 4 Mira dan kawan-kawannya berjalan-jalan sambil melihat ternakan Pak Abu.

Praktis 3

- 1 Pak Mail mempunyai sebuah kebun yang luas.
- 2 Pak Atan dan isterinya menyiram sayur-sayuran sekali sehari.
- 3 Mak Limah membaja tanamannya supaya subur.
- 4 Hasil tanaman dijual untuk menjaga pendapatan.
- 5 Berkebun merupakan aktiviti sihat yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.
- 6 Ayam yang diternak oleh Ahmad dijangkiti virus.
- 7 Lembu-lembu Pak Mail habis dijual menjelang Hari Raya Aidiladha.
- 8 Mesin pencuci najis dapat menjimatkan tenaga dan masa peladang.

- 9 Kesemua kuda Ali diberi vaksin tiga bulan sekali.
- 10 Alat-alat penternakan semakin moden pada masa ini.

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Gambar di atas menunjukkan tentang kegunaan pokok kelapa. Antara kegunaan pokok kelapa ialah daunnya boleh dijadikan sarung ketupat. Selain itu, air buah kelapa boleh diminum kerana mempunyai khasiat. Di samping itu, tempurung buah kelapa boleh dijadikan sebagai bahan perhiasan. Seterusnya, isi buah kelapa boleh diparut untuk mendapatkan santan kelapa. Kesimpulannya, pokok kelapa memang banyak kegunaannya. Pokok kelapa dikenali sebagai pokok seribu guna.

Praktis 2

- 1 Amirul sedang membersihkan ladang ternakan supaya bersih dan kemas.
- 2 Pak Din memberi makanan kepada lembu ternakan di kandang supaya haiwan ternakannya membesar dengan sihat.
- 3 Farid sedang memerah susu lembu di ladang ternakan untuk mendapatkan susu lembu.
- 4 Ali membawa makanan lembu di dalam kereta sorong untuk diberikan kepada lembu-lembu di ladang ternakan itu.
- 5 Kamal sedang menyuntik ubat kepada lembu yang sakit supaya kembali sihat.

Praktis UASA

Bahagian B

Soalan 1

- (a) Mak Hajah
- (b) Kakak menggunakan baja kompos kerana dapat menyuburkan tanah dan hasil tanaman selamat untuk dimakan.
- (c) seikat
- (d) Hasil tanaman kakak selamat untuk dimakan kerana kakak tidak menggunakan baja kimia atau racun serangga.

TEMA
8

EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Praktis 1

Pertama, nanas dikupas dan dibasuh. Isi nanas perlu dihancurkan dan direbus bersama air di dalam kawah. Seterusnya, campurkan dua bahan iaitu gula dan pektin dimasukkan ke dalam kawah. Dicampur juga asid sitrik. Akhirnya, jem yang telah siap dibotolkan. Penutup perlu diketatkan dan dilabel dengan pelekat yang menarik. *(Mana-mana jawapan yang bersesuaian)*

Praktis 2

- 1 Perkhidmatan tuisyen ditawarkan di luar sesi persekolahan.
- 2 Perkhidmatan tuisyen untuk semua murid dari pelbagai lokasi.
- 3 Menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan.
- 4 Harga yang ditawarkan mengikut kemampuan pelanggan.
- 5 Murid akan mendapat nota dan soalan latihan tubi sebagai latihan pengukuhan.

Praktis 3

Perbincangan murid

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 (a) beralkali
(b) berfungsi
(c) merawat
- 2 (a) penternakan
(b) mendatangkan
(c) mempunyai
(d) dibandingkan
(e) pengeluaran
(f) mengamalkan
- 3 (a) minuman
(b) keluaran
(c) tanggapan

Praktis 2

- 1 Zulkarnain menitiskan air mata kerana gembira ketika merasmikan pembukaan ibu pejabat dan kilang.
- 2 Perniagaan yang dijalankan oleh Zulkarnain ialah tanaman cendawan tiram.
- 3 Zulkarnain berhasrat untuk membina kilang tersebut tiga tahun lepas.
- 4 Modal awal yang digunakan oleh Zulkarnain ialah RM50 000.
- 5 Nasihat Zulkarnain kepada semua usahawan adalah agar melakukan setiap pekerjaan dengan bersungguh-sungguh dan tabah menghadapi masalah.

Praktis 3

- 1 tidak mengambil kira kemampuan
- 2 mengikut kehendak semata-mata
- 3 tidak membuat tabung
- 4 pelajaran anak-anak
- 5 semasa kecemasan

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 bukan
- 2 tidak

- 3 tidak
- 4 tidak
- 5 bukan
- 6 tidak
- 7 bukan
- 8 bukan
- 9 bukan
- 10 tidak

Praktis 2

- 1 tiga
- 2 beberapa
- 3 satu
- 4 Seluruh
- 5 Semua
- 6 sepuluh

Praktis 3

- 1 Lukisan yang mahal itu telah dibeli oleh seorang jutawan.
- 2 Hanis berasa sangat gembira apabila menerima tempahan pulut kuningnya yang banyak.
- 3 Rekod Perniagaan Pasar Raya Kasih menunjukkan peningkatan jualan berbanding tahun lepas.
- 4 Puan Salina tidak dapat berniaga kerana warungnya telah roboh ketika ribut semalam.
- 5 Perniagaan merupakan salah satu sumber pendapatan keluarga Maria.
- 6 Farid baru sahaja meletakkan jawatannya sebagai pengurus di syarikat gergasi itu.

Praktis 4

- 1 sukarela
Ayat: Umair dengan sukarela membantu warga emas itu mengangkat barang.
- 2 beritahu
Ayat: Wardina beritahu Amira bahawa latihan bola jaring akan ditangguhkan.
- 3 matahari
Ayat: Laila berjalan di bawah terik matahari sambil menggunakan sekaki payung.
- 4 olahraga
Ayat: Semua murid gigih berlatih untuk menyertai perlawanan olahraga.
- 5 tanggungjawab
Ayat: Pengawas sekolah perlu menjalankan tanggungjawab agar murid-murid mematuhi peraturan sekolah.
- 6 bekerjasama
Ayat: Para penduduk bekerjasama membina jambatan yang roboh itu.

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Aku merupakan seorang ahli perniagaan. Perniagaan yang aku jalankan adalah menjual pakaian terpakai. Aku memulakan perniagaan ini sejak setahun yang lalu.

Sebelum memulakan perniagaan aku perlu mendapatkan stok pakaian daripada pembekal terlebih dahulu. Aku akan membeli secara borong pakaian terpakai daripada individu yang terlibat dalam industri pakaian.

Aku akan kenal pasti tempat atau kawasan yang menjadi tumpuan penduduk. Aku akan mengambil peluang untuk menjual di kawasan-kawasan tersebut. Ramai yang datang membeli, tidak kurang juga yang datang sekadar melihat.

Pembeli sangat suka datang ke kedai aku kerana terdapat pelbagai jenis pakaian yang cantik-cantik. Pembeli mempunyai banyak pilihan. Mereka berpeluang untuk memilih dan membeli pakaian yang mereka suka.

Sebagai seorang peniaga yang baik, aku sentiasa memberi layanan yang mesra dan terbaik kepada semua pelanggan aku. Aku juga aku memberikan harga yang sangat berbaloi. Oleh itu, semua pelanggan aku yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dapat membeli dengan hati yang senang.

Aku berazam untuk membuka lebih banyak cawangan untuk menjual pakaian terpakai. Aku juga berhasrat untuk menjual pakaian terpakai di peringkat antarabangsa.

Praktis 2

“Ayah, saya sudah mengira jumlah wang yang ada di dalam tabung saya.” kata Faten.
 “Berapakah jumlahnya?” tanya ayah.
 “Jumlahnya sebanyak RM500.30” jawab Faten.
 “Baiklah, esok kita akan pergi ke bank untuk menyimpan wang tersebut” ujar ayah.
 Faten berasa sangat gembira, kini dia mempunyai wang hasil simpanannya di dalam bank.

Praktis UASA

Bahagian B

Soalan 1

- (a) kegunaan masa depan kita
- (b) Kita digalakkan menabung kerana dapat diperlukan pada waktu kecemasan. Selain itu, menabung dapat mengeratkan hubungan antara ahli keluarga.
- (c) buku-buku
- (d) sebagai langkah bersiap sedia untuk mengatasi masalah atau situasi kecemasan, kita perlukan wang yang banyak.

TEMA
9

INTEGRITI

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Sebagai seorang ahli masyarakat, kita hendaklah membantu sekiranya terlihat orang tua mengangkat barang.
- 2 Sebagai seorang murid, kita hendaklah rajin

berusaha untuk berjaya kerana kita adalah harapan keluarga.

- 3 Sebagai seorang anak, kita hendaklah membantu ibu membuat kerja-kerja rumah.
- 4 Sebagai seorang anak, kita hendaklah membantu menjaga ibu yang sedang sakit.
- 5 Sebagai seorang abang/kakak, kita hendaklah menjaga keselamatan adik-adik ketika berada di rumah.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Kemahiran Membaca

Praktis 1

- 1 Terbaring atau tidak boleh bangun.
- 2 (i) ✓
(ii) ✗
- 3 – Memberi sokongan moral kepada rakan.
– Memberi bantuan yang diperlukan kepada rakan.
– Memberi sumbangan wang atau peralatan yang diperlukan.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Praktis 2

- 1 Berkumpul di dewan, mendaftar, mendengar taklimat daripada guru yang bertugas iaitu Cikgu Firdaus dan Cikgu Sarah serta pembahagian kumpulan.
- 2 Belajar memasang khemah, menyertai pertandingan memasak, pertandingan ikatan dan balutan, nyanyian, sajak dan pantun, dan aktiviti latihan kawad kaki.
- 3 Untuk membina jati diri pelajar, untuk menambah ilmu tentang kehidupan, menambah keyakinan diri, mewujudkan semangat kerjasama dalam kumpulan, mewujudkan semangat berusaha bersungguh-sungguh, tolong-menolong, tidak mudah putus asa dan berdisiplin.
- 4 – Tolong-menolong
– Semangat bekerjasama dalam kumpulan
– Berdisiplin
– Menepati dan menghormati masa orang lain

Praktis 3

- 1 Berasal dari Kelantan.
- 2 Beliau meraih 20A dalam SPM.
- 3 Fokus di dalam kelas, hargai masa dan suka bertanya.
- 4 (i) Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
(ii) Usaha tangga kejayaan.
- 5 Tidak, kerana murid yang malas tidak menghargai masa dan tidak berusaha untuk mendapatkan sesuatu.

Sistem Bahasa

Praktis 1

- 1 Siapa
- 2 Berapa
- 3 Apa
- 4 Mengapa
- 5 Bagaimana

Praktis 2

- 1 Mengapakah Zahra menangis?
- 2 Surat itu ditujukan kepada siapa?
- 3 Bilakah awak akan membayar duit saya?

Praktis 3

- 1 Petani sedang memetik limau di ladang itu.
- 2 Aina suka menyisir rambut adiknya.
- 3 Farina sedang mengemop lantai di dapur.
- 4 Ammar bekerja bersungguh-sungguh untuk menyara keluarganya.
- 5 Adik terlupa menutup suis lampu pada pagi tadi.
- 6 Murid-murid berjalan keluar dari dewan peperiksaan.

Praktis 4

- 1 Khairil menangkap ikan keli di dalam kolam untuk dijual.
- 2 Setiap peniaga perlu membungkus produk mereka dengan kemas sebelum memasarkannya.
- 3 Farid melawat kawasan ternakan udang galah di kampungnya itu.
- 4 Salina selalu menziarahi datuknya yang tinggal di perkampungan nelayan itu.
- 5 Ayah mengait rambutan untuk diberikan kepada Pak Leman.
- 6 Hafiz merupakan seorang penternak ayam kampung yang berjaya.
- 7 Iskandar menimbang ikan kerisi itu untuk mengetahui beratnya sebelum menetapkan harga.

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Amalan bersukan boleh memberikan banyak faedah dalam kehidupan kita.

Antara faedahnya, kita dapat mengisi masa lapang di rumah atau semasa cuti sekolah. Seterusnya, bersukan boleh mencergaskan badan dengan mengeluarkan peluh dan bahan toksik dalam badan kita.

Selain itu, bersukan boleh mencegah obesiti dan mencegah pelbagai penyakit yang lain. Akhirnya, badan kita kekal aktif dan bertenaga.

Sebagai kesimpulannya, melalui amalan bersukan, banyak faedah yang kita boleh perolehi dalam hidup kita.

Praktis 2

Cuti sekolah amat dinanti-nantikan oleh semua murid. Cuti sekolah haruslah diisi dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Antara aktiviti yang boleh dilakukan ialah membaca buku. Membaca buku dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan perbendaharaan kata.

Selain itu, kita juga boleh mengulang kaji pelajaran. Dengan itu, kita akan lebih faham tentang sesuatu pelajaran itu.

Aktiviti melancong juga boleh dilakukan. Kita akan dapat melihat pelbagai tempat menarik dan menenangkan fikiran.

Selain itu, kita juga boleh menggunakan masa cuti dengan bersukan atau beriadah. Aktiviti ini dapat menyihatkan badan. Apabila badan kita sihat, otak kita akan menjadi cerdas.

Oleh itu, lakukan aktiviti yang berfaedah semasa cuti sekolah. Masa itu sangat berharga.

Praktis UASA

Bahagian C

Setiap usahawan yang berjaya perlulah mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Usahawan harus mempelajari ilmu-ilmu yang berkaitan dengan keusahawanan untuk mempersiapkan diri menjadi usahawan berjaya. Oleh itu, usahawan boleh melanjutkan pelajaran ke universiti dan mengambil bidang perniagaan. Selain itu, usahawan boleh menghadiri kursus untuk memantapkan ilmu keusahawanan. Akhir sekali, usahawan mestilah bekerja di syarikat untuk mendapatkan pengalaman bagi menjadi usahawan berjaya.

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 1 (UBSA1)

Bahagian A

1 B 2 C 3 D 4 B 5 B
6 A 7 D 8 B 9 B 10 D

Bahagian B

- 1 (a) kesedaran
(b) Majlis Perasmian Minggu Kebersihan Alam Sekitar itu diadakan di Sekolah Kebangsaan Indah Jaya.
(c) Sekolah Kebangsaan Indah Jaya
(d)
- | | |
|--|---|
| Murid-murid dan guru-guru menyambut baik acara-acara tersebut. | ✓ |
| Murid-murid dapat acara yang baik daripada sambutan itu. | |
- 2 Salman perlu belajar bersungguh-sungguh, terutamanya dalam subjek Matematik dan Sains, menjaga kesihatan fizikal dan memohon untuk

mengikuti latihan penerbangan setelah tamat sekolah untuk mencapai cita-citanya menjadi juruterbang.

Bahagian C

Cara menjaga kesihatan diri termasuklah melakukan senaman yang dapat mengeluarkan peluh. Antara aktiviti yang baik untuk kesihatan adalah bermain badminton, berjalan kaki dan berenang. Aktiviti-aktiviti ini membantu meningkatkan stamina, melancarkan peredaran darah dan mengekalkan berat badan yang ideal.

Bahagian D

1 Pada cuti sekolah yang lalu, sekolah saya telah mengadakan lawatan ke Kuala Lumpur. Saya sangat teruja kerana ini merupakan kali pertama saya melawat ibu negara Malaysia. Kami pergi dengan menaiki bas sekolah dan perjalanan mengambil masa kira-kira dua jam.

Setibanya di Kuala Lumpur, tempat pertama yang kami lawati ialah Menara Kuala Lumpur. Menara ini sangat tinggi, dan dari atas, kami dapat melihat pemandangan seluruh bandar. Kami juga mengambil banyak gambar sebagai kenangan.

Seterusnya, kami pergi ke Tugu Negara. Di sini, guru kami menerangkan tentang sejarah negara dan perjuangan pahlawan tanah air. Saya berasa bangga dan menghargai jasa mereka yang telah berkorban untuk keamanan negara kita.

Selepas itu, kami melawat Taman Burung Kuala Lumpur. Taman ini dipenuhi pelbagai jenis burung yang berwarna-warni. Saya paling suka melihat burung merak dengan ekornya yang cantik. Kami belajar banyak tentang hidupan liar dan pentingnya menjaga alam sekitar.

Kemudian, kami ke Suria KLCC, sebuah pusat beli-belah terkenal. Kami berpeluang melihat Menara Berkembar Petronas yang tersergam indah. Ramai pengunjung mengambil gambar berlatarbelakangkan menara ini.

Akhirnya, kami pulang ke sekolah dengan perasaan gembira dan kenangan manis. Lawatan ini bukan sahaja menyeronokkan, tetapi juga memberi banyak ilmu tentang sejarah dan keindahan Kuala Lumpur.

2

No. 15, Jalan Mawar,
45000 Kuala Selangor,
Selangor.

28 Januari 2026

Menemui sahabatku, Amir yang berada di Kedah. Saudara,
Apa khabar? Diharapkan Amir dan keluarga berada dalam keadaan sihat dan ceria. Tujuan saya menulis

surat ini untuk berkongsi pengalaman menarik semasa lawatan ke Kuala Lumpur bersama keluarga pada cuti sekolah yang lalu.

Pada hari pertama, kami melawat Menara Kuala Lumpur. Kami dapat melihat pemandangan bandar yang sangat indah. Selepas itu, kami ke Bukit Bintang untuk membeli-belah. Kawasan itu sangat sibuk dan penuh dengan pelancong dari pelbagai negara. Saya sempat membeli beberapa cenderamata sebagai kenangan. Keesokan harinya, kami mengunjungi Aquaria KLCC. Saya sangat teruja melihat pelbagai spesies hidupan laut seperti ikan jerung, pari gergasi dan obor-obor yang bercahaya. Kami juga sempat bersiar-siar di Taman KLCC yang mempunyai landskap yang cantik dan menenangkan.

Selain itu, kami tidak melepaskan peluang untuk mencuba pelbagai makanan lazat di situ. Saya mencuba sate, nasi lemak, dan cendol yang sangat menyegarkan. Makanan di sana memang sedap dan berpatutan.

Sampai di sini dahulu surat ini. Saya harap dapat berjumpa dengan saudara dan berkongsi cerita lagi. Jika ada kesempatan, mari kita bercuti bersama-sama pada cuti sekolah akan datang. Jaga diri dan sampai jumpa.

Sahabatmu,
Hafiz

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

Bahagian A

1 B 2 D 3 D 4 C 5 C
6 A 7 D 8 A 9 B 10 C

Bahagian B

- 1 (a) belukar
(b) Sang Kancil berlari selepas bebas daripada jerat itu kerana dia ingin menyelamatkan dirinya.
(c) mengejar; menangkap
(d)
- | | |
|--|---|
| Perlahan-lahan pekebum pun membuka jerat yang dipasangnya. | ✓ |
| Perlahan-lahan pekebum pun menutup jerat yang dipasangnya. | |
- 2 Tindakan yang patut saya lakukan ialah saya akan berkongsi makanan dan minuman saya dengan rakan tersebut. Ini dapat menunjukkan sikap saling membantu dan prihatin terhadap rakan yang memerlukan.

Bahagian C

Grafik di atas menunjukkan cara-cara mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia. Cara yang pertama ialah kita perlulah mempunyai komunikasi yang baik di mana kita saling mendengar dan menghargai pendapat orang lain. Selain itu, kita haruslah meluangkan masa bersama-sama seperti makan malam bersama dengan keluarga.

Bahagian D

1 Setiap tahun, pada tanggal 31 Ogos, rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan dengan penuh semangat patriotisme. Sambutan ini amat bermakna kerana ia memperingati perjuangan para pejuang tanah air yang berkorban demi kemerdekaan. Pelbagai aktiviti menarik diadakan untuk memeriahkan suasana, seperti perarakan, persembahan kebudayaan, dan pertunjukan bunga api.

Selain itu, acara rasmi seperti upacara menaikkan bendera Jalur Gemilang dan nyanyian lagu Negaraku menjadi simbol kesatuan rakyat Malaysia. Acara ini sering diadakan di Dataran Merdeka dan disiarkan secara langsung di televisyen. Murid sekolah juga turut serta dengan mengadakan pertandingan melukis poster, menulis esei dan menyampaikan sajak bertemakan kemerdekaan.

Sambutan Hari Kebangsaan bukan sahaja meraikan sejarah kemerdekaan negara, tetapi juga menyemai nilai-nilai perpaduan dan kerjasama antara kaum. Aktiviti seperti pameran kebudayaan dan persembahan seni tradisional setiap kaum mengingatkan kita tentang pentingnya menghormati kepelbagaian budaya. Semangat perpaduan ini ialah kunci kepada keharmonian negara.

Di samping itu, kempen mengibarkan Jalur Gemilang diadakan untuk menggalakkan masyarakat menunjukkan rasa cinta terhadap negara. Kita dapat melihat bendera Malaysia dikibarkan di rumah, sekolah, pejabat dan kenderaan. Aktiviti ini mengingatkan kita untuk bersyukur dengan keamanan dan kestabilan yang dikecapi sejak kemerdekaan.

Sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab untuk mengekalkan semangat patriotisme sepanjang masa. Menyumbang kepada pembangunan negara dan memupuk perpaduan adalah cara terbaik untuk menghargai kemerdekaan ini.

Jika setiap individu memainkan peranan mereka, Malaysia pasti akan terus makmur dan sejahtera.

2 LAPORAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

Pada setiap tanggal 31 Ogos, rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan dengan penuh semangat patriotisme. Sambutan ini amat bermakna kerana ia memperingati perjuangan para pejuang tanah air yang berkorban demi kemerdekaan. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan untuk memeriahkan suasana, seperti perarakan, persembahan kebudayaan dan pertunjukan bunga api.

Selain itu, acara rasmi seperti upacara menaikkan bendera Jalur Gemilang dan nyanyian lagu Negaraku menjadi simbol kesatuan rakyat Malaysia. Acara ini sering diadakan di Dataran Merdeka dan disiarkan secara langsung di televisyen. Murid sekolah juga turut serta dengan mengadakan pertandingan melukis poster, menulis esei dan menyampaikan sajak bertemakan kemerdekaan.

Sambutan Hari Kebangsaan bukan sahaja meraikan sejarah kemerdekaan negara, tetapi juga menyemai nilai-nilai perpaduan dan kerjasama antara kaum. Aktiviti seperti pameran kebudayaan dan persembahan seni tradisional setiap kaum mengingatkan kita tentang pentingnya menghormati kepelbagaian budaya. Semangat perpaduan ini adalah kunci kepada keharmonian negara.

Di samping itu, kempen mengibarkan Jalur Gemilang telah diadakan untuk menggalakkan masyarakat menunjukkan rasa cinta terhadap negara. Bendera Malaysia dikibarkan di rumah, sekolah, pejabat dan kenderaan sebagai tanda penghormatan dan kesyukuran terhadap keamanan yang dikecapi sejak kemerdekaan.

Kesimpulannya, sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab untuk mengekalkan semangat patriotisme sepanjang masa. Menyumbang kepada pembangunan negara dan memupuk perpaduan adalah cara terbaik untuk menghargai kemerdekaan ini. Jika setiap individu memainkan peranan mereka, Malaysia pasti akan terus makmur dan sejahtera.

Laporan disediakan oleh, 1 September 2026
Ahmad Faris
(AHMAD FARIS)
Setiausaha Persatuan Sejarah
Sekolah Kebangsaan Pauh

UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 2 (UBSA 2)

Bahagian A

- 1 A 2 A 3 D 4 C 5 D
6 D 7 C 8 C 9 A 10 D

Bahagian B

- 1 (a) mudah
(b) Contoh teknologi yang digunakan untuk memudahkan komunikasi dalam kehidupan ialah telefon pintar.
(c) mesin; doktor; tubuh

(d) Sains dan teknologi memainkan peranan penting dalam mengembangkan teknologi yang memudahkan hidup manusia.	
Ini adalah kehebatan sains dan teknologi yang berperanan dalam menyelamatkan nyawa dan menjaga kesihatan kita.	✓

- 2 Tindakan yang perlu saya lakukan ialah saya akan meminjamkan buku teks dan alat tulis kepada rakan saya supaya dia dapat mengikuti pelajaran dengan lancar dan tidak ketinggalan dalam pelajaran.

Bahagian C

Grafik di atas menunjukkan cara-cara memanfaatkan teknologi dengan baik. Cara yang pertama ialah murid perlu menjadikan teknologi sebagai bahan untuk belajar. Contohnya mencari maklumat, menonton video berunsurkan pendidikan dan menyiapkan kerja sekolah. Cara yang seterusnya ialah ibu bapa perlu hadkan penggunaan teknologi seperti telefon bimbit atau Internet supaya anak-anak tidak terdedah dengan perkara yang tidak berfaedah.

Bahagian D

- 1 Pada suatu pagi yang cerah, sebuah keluarga berkumpul untuk melaksanakan gotong-royong membersihkan kawasan rumah. Aktiviti ini dimulakan dengan perancangan yang teliti agar semua kawasan dapat dibersihkan dengan sempurna.

Ayah memulakan kerja dengan memotong rumput yang panjang di halaman rumah. Ibu pula membersihkan halaman rumah, mengemas tempat letak kereta dan menyapu daun-daun kering. Anak-anak membantu dengan mengutip sampah dan mengatur barang-barang di luar rumah.

Sambil bekerja, mereka bergotong-royong dengan penuh semangat. Keadaan yang ceria dan harmoni mencerminkan semangat kerjasama dalam keluarga. Setiap ahli keluarga memberikan kerjasama yang sepenuhnya untuk memastikan kawasan rumah kelihatan bersih dan teratur.

Aktiviti gotong-royong ini bukan sahaja membersihkan persekitaran, tetapi juga mengeratkan hubungan kekeluargaan. Mereka berasa lebih dekat dan saling membantu antara

satu sama lain. Setelah selesai, rumah kelihatan lebih kemas dan segar.

Akhirnya, mereka menikmati hidangan bersama sebagai tanda penghargaan terhadap usaha yang telah dilakukan. Gotong-royong bukan hanya aktiviti fizikal, tetapi juga memperkukuhkan nilai kekeluargaan dalam kehidupan mereka.

Keluarga ini berasa puas hati dengan hasil kerja mereka dan bertekad untuk terus menjaga kebersihan kawasan rumah secara berkala.

2

No. 12, Jalan Melati,
43000 Kajang,
Selangor.

29 Januari 2026

Menemui sahabatku, Alif yang berada di Sabah.
Saudara,

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Apa khabar? Saya harap kamu sihat sejahtera di sana. Saya ingin berkongsi pengalaman saya semasa cuti sekolah yang lalu. Saya dan keluarga telah mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan rumah datuk di kampung.

Kami bersama-sama mencuci halaman, membersihkan longkang dan memangkas pokok-pokok yang tumbuh liar. Suasana amat meriah kerana semua ahli keluarga turut serta. Selepas penat bekerja, kami menikmati hidangan istimewa yang disediakan oleh nenek. Pengalaman ini sangat menyeronokkan dan mengeratkan hubungan keluarga.

Selain itu, saya juga berpeluang belajar cara menanam sayur-sayuran daripada datuk. Beliau mengajar saya cara menggemburkan tanah, menanam benih, dan menyiram pokok dengan betul. Aktiviti ini sangat menarik kerana saya dapat mengetahui cara bercucuk tanam yang betul dan dapat menikmati hasilnya kelak.

Itu sahaja buat kali ini. Jangan lupa balas surat saya dan ceritakan pengalaman kamu semasa cuti sekolah. Jaga diri baik-baik.

Sahabatmu,
Ahmad Faris

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)

Bahagian A

- | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|----|---|
| 1 | A | 2 | B | 3 | B | 4 | A | 5 | B |
| 6 | C | 7 | B | 8 | C | 9 | A | 10 | A |

Bahagian B

- 1 (a) cinta akan negara.
- (b) Aktiviti yang diadakan sepanjang Sambutan Bulan Kebangsaan itu ialah pertandingan mendeklamasikan sajak, pertandingan pakaian beragam, kuiz dan persembahan sketsa.
- (c) Sambutan Bulan Kebangsaan; Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Taman Keranji

(d) Memupuk kerjasama yang baik dan program yang baik adalah tujuan majlis ini.	
Melancarkan program serta memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid yang pelbagai kaum merupakan objektif majlis ini diadakan.	✓

- 2 Faris perlu mengambil komputer riba itu dan menyerahkannya kepada pihak berkuasa atau penjaga taman agar ia dapat dipulangkan kepada pemilik yang sah dengan cara yang betul.

Bahagian C

Grafik di atas menunjukkan cara-cara menjaga keselamatan diri di pasar raya. Cara yang pertama ialah kita mestilah berhati-hati ketika menggunakan eskalator untuk mengelakkan berlakunya kemalangan yang tidak diingini. Selain itu, pastikan kaki kita berada dalam garisan kuning dan kita hendaklah sentiasa memegang tangan ibu bapa. Jangan duduk di atas anak tangga ketika tangga eskalator itu sedang berfungsi kerana boleh membahayakan diri kita.

Bahagian D

- 1 Hari pertama persekolahan merupakan pengalaman yang sangat menyeronokkan bagi semua murid, terutamanya mereka yang baru memasuki tahun satu. Pada pagi itu, suasana di sekolah sangat meriah dengan kehadiran murid-murid dan ibu bapa yang menemani anak-anak mereka. Murid-murid kelihatan bersemangat dengan pakaian seragam baharu serta beg sekolah yang berwarna-warni.

Selepas perhimpunan pagi, guru besar memberikan ucapan alu-aluan. Beliau menyambut kedatangan murid-murid baharu dengan mesra dan memberikan nasihat supaya mereka rajin belajar serta menjaga disiplin. Selesai ucapan, murid-murid diiringi oleh guru kelas masing-masing ke bilik darjah untuk memulakan sesi pembelajaran.

Di dalam bilik darjah, guru kelas memperkenalkan diri dan memberikan jadual waktu. Murid-murid juga diminta memperkenalkan diri mereka. Aktiviti ini membantu mereka berkenalan antara satu sama

lain, sekali gus membina hubungan persahabatan. Bagi murid tahun satu, guru menerangkan cara menggunakan buku latihan dan peraturan sekolah supaya mereka lebih bersedia.

Pada waktu rehat, murid-murid menikmati makanan di kantin. Guru bertugas membantu murid yang masih malu atau keliru. Bagi murid yang lebih tua, mereka kelihatan seronok berkumpul dengan rakan-rakan sambil berkongsi pengalaman cuti sekolah. Suasana di kantin penuh dengan gelak ketawa dan keseronokan. Hari pertama persekolahan berakhir dengan sesi perjumpaan ibu bapa dan guru. Mereka berbincang mengenai aktiviti dan jadual sekolah untuk memastikan semua pihak memahami perancangan sepanjang tahun. Hari itu meninggalkan kenangan manis dan semangat baharu untuk memulakan perjalanan akademik yang cemerlang.

2

CATATAN HARIAN

Tarikh: 16 Februari 2026

7:30 pagi

Suasana di sekolah begitu meriah dengan kehadiran murid-murid serta ibu bapa yang menemani anak-anak mereka. Saya melihat ramai murid yang bersemangat dengan pakaian seragam baharu dan beg sekolah berwarna-warni.

8:00 pagi

Selepas perhimpunan pagi, guru besar memberikan ucapan alu-aluan. Beliau menyambut kami dengan mesra dan memberi nasihat supaya rajin belajar serta menjaga disiplin. Selesai ucapan, saya dan rakan-rakan dipandu oleh guru kelas ke bilik darjah untuk memulakan sesi pembelajaran.

9:00 pagi

Di dalam bilik darjah, guru kelas memperkenalkan diri dan memberikan jadual waktu. Kami juga diminta memperkenalkan diri masing-masing. Aktiviti ini sangat menyeronokkan kerana saya dapat berkenalan dengan rakan-rakan baharu. Guru turut menerangkan cara menggunakan buku latihan dan peraturan sekolah bagi memastikan semua murid lebih bersedia.

10:30 pagi

Waktu rehat, saya menikmati makanan di kantin bersama rakan-rakan. Saya melihat guru bertugas membantu murid yang masih malu atau keliru. Suasana di kantin sangat meriah dengan gelak ketawa dan keseronokan murid-murid yang berkongsi pengalaman cuti sekolah.

1:30 petang

Hari pertama persekolahan berakhir dengan sesi perjumpaan ibu bapa dan guru. Mereka berbincang mengenai aktiviti dan jadual sekolah sepanjang tahun. Hari ini benar-benar memberikan kenangan manis dan semangat baharu untuk memulakan perjalanan akademik yang cemerlang.